

Syarikat Malaysia, Jerman meterai

tiga MoU
BHP 19 MAR 2002

MUNICH, Isnin - Tiga memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian kerjasama ditandatangani syarikat Malaysia dan Jerman sempena Forum Perniagaan Malaysia-Jerman: Peluang Perniagaan di Malaysia di sini, hari ini.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KL Al-Dhuha Sdn Bhd menandatangani dua MoU, satu dengan Fev Motorentechnik untuk membangun dan memasarkan enjin pembakaran manakala MoU dengan Babcock Borsig Power Turbine membabitkan penubuhan perkhidmatan penyelenggaraan alat jentera turbo.

Pengerusi KL Al-Dhuha, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman dan Eksekutif Naib Presiden Fey Motorentechnik, Dr Ernst Scheid serta Pengarah Urusan KL Al-Dhuha, Baharin Ayob, dan Pengarah Urusan Babcock Borsig, Andreas Poppinghaus, menandatangani MoU itu.

Medical Online Sdn Bhd pula menandatangani MoU dengan Siemens Malaysian Sdn Bhd, anak syarikat Siemens AG, bagi mengadakan usaha sama dalam perkhidmatan Tele-Kecederaan untuk projek Tele-Kesihatan Koridor Raya Multimedia (MSC). Perkhidmatan itu penting berikutan kes trauma dan kecederaan menyebabkan kematian kira-kira 6,000 penduduk Malaysia setiap tahun.

Ketua Eksekutif (CEO) Medical Online, Dr Mohd Hishamuddin Harun serta Presiden merangkap CEO Siemens Malaysia, Rainer Althoff, menandatangani MoU itu.

Satu perjanjian pula membabitkan kerjasama profesional syarikat guaman, Raslan Loong and Reeg Rechtsanwaite.

Ketua Eksekutif Rakan Kongsi Raslan Loong, Caesar Loong dan Ketua Eksekutif Rakan Kongsi Reeg, Dr Axel R Reeg, menandatangani perjanjian itu.